



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 8/2023  
26 JULAI 2023 (8 MUHARRAM 1445H)**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Mesyuarat Majlis yang kelapan pada tahun ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi memastikan setiap perancangan dan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru itu, saya sangat berharap agar kerjasama ini sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi.
  
2. Untuk makluman semua, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat

kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang perlu dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Prestasi keseluruhan kutipan hasil Majlis sehingga 30 Jun 2023 adalah sebanyak RM 202,406,207 atau 50.00 peratus (%) berbanding dengan anggaran hasil sebanyak RM 404,826,260. Kutipan Hasil Cukai berjumlah RM145,712,327.00 menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 51.72 peratus (%) berbanding tempoh yang sama bulan Jun tahun 2022 sebanyak RM145,043,233.00. Manakala kategori Hasil Bukan Cukai pula menunjukkan peningkatan ketara sebanyak RM7.64 juta iaitu daripada RM46,391,680.00 pada Jun 2022 kepada RM54,030,155.00 pada Jun 2023. Peningkatan ketara bagi kategori Hasil Bukan Cukai juga menunjukkan bahawa penduduk Petaling Jaya telah mula menerima trend terkini pembayaran secara atas talian (*online*).

Bagi Prestasi Perbelanjaan pula, sehingga 30 Jun 2023, sebanyak RM177,272,044.00 atau 41.12 peratus (%) telah dibelanjakan berbanding anggaran sebanyak RM431,061,410.00. Sebanyak RM146,481,463.00 atau 42.53 peratus (%) Belanja Mengurus telah dibelanjakan, manakala sebanyak RM30,790,581.00 atau 35.55 peratus (%) telah dibelanjakan untuk Belanja Pembangunan. Pada tahun 2023, Majlis telah memperuntukkan Belanja Pembangunan sejumlah RM86,617,150.00 atau 21.39 peratus (%) berbanding dengan anggaran keseluruhan kutipan hasil sebanyak

RM404,826,260.00 bagi menampung projek-projek Pembangunan bertujuan untuk memberi kemudahan dan kesejahteraan kepada penduduk Petaling Jaya.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Majlis pada 30 Jun 2023 berada di dalam keadaan kukuh di mana kedudukan rezab bersih Majlis adalah sebanyak RM108,873,293.00. Perbelanjaan secara berhemah dan usaha meningkatkan kutipan hasil Majlis akan diteruskan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang tepat dan berkesan serta dapat memenuhi kehendak seluruh penduduk Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2023, sejumlah 8,547 kes aduan telah diterima oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Sebanyak 5,199 aduan bersamaan 61.0 peratus (%) telah diselesaikan, 1,992 aduan bersamaan 23 peratus (%) dalam tindakan Jabatan manakala sebanyak 1,356 aduan bersamaan 16 peratus (%) adalah di peringkat Penyelesaian Jangka Panjang (PJP).

Berbanding bagi tempoh yang sama (Januari hingga Jun tahun 2022), terimaan aduan mencatatkan sejumlah 7,833 kes aduan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,372 aduan telah diselesaikan bersamaan 94.1 peratus (%) manakala sejumlah 461 aduan bersamaan 5.9 peratus (%) masih di dalam peringkat Penyelesaian Jangka Panjang (PJP), yang mana ia melibatkan proses tawaran tender/sebutharga ataupun terdapat kes-kes perundangan.

Berdasarkan tempoh Januari hingga Jun 2023, aduan yang paling banyak diterima adalah dari Zon 3 iaitu kawasan PJU 5 (Kota Damansara) dengan aduan sebanyak 1,285 kes. Ia diikuti dengan Zon 4 iaitu PJU 1A dengan 557 aduan. Sementara itu, kedudukan yang ketiga dari segi bilangan terimaan aduan adalah dari Zon 8 iaitu Kawasan SS2 dengan 440 aduan.

Sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2023 tersebut, tiga kes aduan tertinggi yang telah dikenalpasti adalah melibatkan aduan Halangan Awam/Siar Kaki/Petak Letak Kereta iaitu sebanyak 922 kes. Punca utama menyumbang kepada masalah ini adalah disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab pemilik premis yang meletakkan halangan kon/tiang simen/objek untuk tujuan tanda pemilik.

Bagi menangani permasalahan ini, Jabatan Penguatkuasaan telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan tindakan sitaan berkala serta mengeluarkan notis kompaun secara berterusan.

Bagi aduan kedua tertinggi pula adalah melibatkan Kerosakan Lampu Jalan iaitu sebanyak 791 kes. Antara punca yang telah dikenalpasti adalah sering kali berlaku lintar pintas di fius *fidder pillar* akibat lampu telah usang.

Majlis melalui Jabatan Kejuruteraan telah mengambil inisiatif untuk menukar lampu sedia ada iaitu jenis *High Pressure Sodium Vapour* (HPSV) kepada Lampu LED dan juga kabel bawah tanah menggunakan peruntukan MARRIS.

Manakala aduan ke-3 tertinggi pula adalah aduan berkenaan Jalan Rosak/Mendap/Berlubang iaitu sebanyak 635 kes. Ini berkemungkinan disebabkan oleh jalan yang telah lama (usang) yang melebihi 10 tahun, kepadatan trafik yang tinggi, kenderaan berat dan berlaku lebihan takungan air atas jalan terbabit.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

5. Baru-baru ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan majlis pecah tanah projek pembinaan tapak gerai dan kemudahan rekreasi di dalam Taman Rakyat (*People's Park*) Damai Setia atau dikenali sebagai Urban Park 1 di PJU 10 Damansara Damai.

Tujuan projek ini dilaksanakan adalah bagi menyelesaikan isu berkaitan penempatan Peniaga Tanpa Lesen (PTL) yang telah mengakibatkan beberapa kekangan seperti kawasan yang kotor dan binaan struktur halangan di Jalan PJU10/1 Damansara Damai selain aduan daripada penduduk sekitar berkaitan permasalahan ini. Setelah melalui pelbagai siri perbincangan dan usaha penguatkuasaan, Majlis telah merancang dan melaksanakan projek ini sebagai langkah pencegahan dan penambahbaikan.

Melalui cadangan pembangunan tapak gerai dan kemudahan rekreasi ini, Majlis telah merekabentuk konsep pusat peniaga secara harian yang dinamakan sebagai 'hentian damai' yang berinspirasikan "*pitstop caravan*" di dalam taman dengan keluasan 1.433 ekar ini.

Konsep ataupun hiasan landskap ini akan menonjolkan elemen mesra alam "*within the forest*" dengan pendekatan susun atur

mampan dalam jangka masa panjang. Selain itu, komponen rekreasi dan komersial yang akan memenuhi keperluan sosial harian dan demografi penduduk setempat juga akan disediakan dalam projek ini nanti.

Untuk makluman bersama, dalam pembangunan ini, terdapat beberapa komponen telah disediakan di tapak yang merangkumi 36 petak gerai yang mengandungi 30 petak gerai berukuran 6 meter x 6 meter, 6 petak gerai berukuran 3 meter x 3 meter, 8 petak jualan buah-buahan, 36 petak tempat letak kereta, 1 surau, 1 tandas, 1 pondok pengawal, 1 permainan bersepadu, 3 wakaf, 1 sistem SPAH dan 1 ruang terbuka.

Semua komponen ini telah dirancang dengan mengambil kira komponen rekreasi dan komersial yang akan memenuhi keperluan sosial harian dan demografi penduduk setempat.

Alhamdulillah, bagi memastikan tapak gerai ini berdaya saing dan menjadi '*point of interest*' (POI) kepada pengunjung untuk datang ke Petaling Jaya, Majlis telah mengambilkira pembinaan tapak ini berasaskan kepada perkara berikut :

- a) **Taburan Pengerai** – Memastikan lokasinya yang strategik, berdekatan dengan lokasi Peniaga Tanpa Lesen (PTL) sedia ada di hadapan Apartment Idaman jalan PJU 10/1 Damansara Damai,
- b) **Jaringan Mobiliti** - Menyediakan sirkulasi dan kemudahan sampaian pengunjung dan pengerai ke lokasi melalui jalan utama,

- c) **Kemudahan Pakir** – Menggunakan tempat letak kereta sedia ada bersebelahan bangunan dewan serbaguna mampu menampung bilangan pengunjung yang datang.

Sejajar dengan matlamat dan hala tuju Pelan Strategik Sustainable Petaling Jaya 2030 (PJSSR 2030), projek ini juga bertujuan untuk mengoptimumkan kawasan hijau di taman bandar dan meningkatkan '*liveability*' serta fasiliti kepada penduduk Damansara Damai dan ianya merupakan usaha terpenting dalam memastikan kemampanan alam sekitar dan kehidupan yang berkualiti untuk semua.

Penyediaan tapak gerai ini bukan sahaja dapat menyelesaikan isu peniaga tanpa lesen, tetapi juga memberi imej dan identiti baharu dengan adanya kemudahan awam dan rekreasi yang selesa dan kondusif kepada pengunjung dan tapak gerai ini akan menjadi tempat tarikan dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi setempat.

Majlis komited agar projek ini dapat membawa manfaat yang besar kepada komuniti Damansara Damai dan memperkuuhkan lagi kedudukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya berdaya saing dalam mencapai pembangunan Bandar Pintar, Mampan Dan Berdaya Tahan menjelang tahun 2030.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui Jawatankuasa Learning City telah menerima jemputan ke **Persidangan Pembelajaran Sepanjang Hayat Inklusif (UNESCO) Di Bali** dan telah menghantar 5 orang pegawai Majlis yang mempunyai pengetahuan dalam bandar pembelajaran (*Learning City*) untuk mendapatkan maklumat melalui persidangan Pembelajaran Sepanjang Hayat Inklusif.

Melalui persidangan ini juga, Majlis telah diberi penghargaan dijemput sebagai penceramah untuk satu slot persidangan mewakili Kerajaan Tempatan bagi sesi Pembelajaran dan Pendidikan Dewasa yang Inklusif di bawah topik ‘Mempelajari Bandar dan Institusi Pendidikan’.

Tuan TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman telah berkongsi pengalaman Petaling Jaya yang telah diterima sebagai ahli *Global Network of Learning Cities* (GNLC) pada 7hb Jun 2018. Petaling Jaya juga merupakan bandar raya pertama dan satu-satunya di Malaysia yang menjadi ahli GNLC dan diiktiraf sebagai Bandar Pembelajaran oleh UNESCO.

Pada tahun 2019, Petaling Jaya, bersama sembilan bandar lain dalam GNLC, telah berjaya menerima Anugerah Bandar Pembelajaran UNESCO pada tahun 2019, iaitu anugerah pengiktirafan khas hanya dalam kalangan ahli-ahli GNLC.

Selain itu, dalam sesi pembentangan, Tuan TPr. Zain Azly bin

Abdul Rahman turut menceritakan tentang model PJLC yang dibangunkan serta projek-projek PJLC yang dilaksanakan termasuk Kebun Kita, PJ *Eco-Recycling Plaza*, Karung Kitar serta projek-projek lain bersama rakan institusi pendidikan PJLC. Petaling Jaya turut berkongsi maklumat mengenai Geran Komuniti PJSEED yang disalurkan kepada komuniti PJ untuk kelestarian dan juga memaklumkan perkembangan PJLC terkini yang sedang dilaksanakan.

Dalam penyertaan ke persidangan ini, pasukan PJLC MBPJ telah memanfaatkan peluang yang ada untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan wakil-wakil bandar lain yang turut menghadiri persidangan ini. Yang paling penting, hubungan juga terjalin dengan beberapa wakil UNESCO *Lifelong Learning Institute* dan individu-individu penting dalam dunia bandar pembelajaran dan GNLC dari seluruh dunia.

Persidangan ini sedikit sebanyak telah memberi pengalaman dan pembelajaran kepada pasukan PJLC MBPJ dalam kefahaman mempromosikan hak pendidikan sepanjang hayat dan membincangkan strategi dan tindakan serta memperoleh input-input yang berguna yang boleh dijadikan sebagai panduan serta penyediaan laporan dwi tahunan UNESCO mengenai kemajuan bandar Petaling Jaya kepada Sekretariat UNESCO *Institute of Lifelong Learning* kelak.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

7. Untuk makluman dan tindakan kita semua, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 28/2023 adalah sebanyak 128 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 2,910 kes yang dilaporkan menurun 7 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 138 kes. Jumlah Lokaliti Wabak adalah sejumlah 74 lokaliti dengan 16 lokaliti wabak *Hotspot* direkodkan. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

8. Majlis Bandaraya Petaling Jaya kekal komited dan fokus dalam melaksanakan dasar dan program ke arah kesihatan awam yang baik dengan mengambil kira sasaran dan indikator ke arah PJSSR 2030.

Berdasarkan ini, pelbagai program tahunan yang dirancang diwujudkan dengan memberi pelbagai anugerah kepada pemilik/pengusaha premis yang telah menunjukkan prestasi cemerlang.

Anugerah Premis Bersih merupakan satu pengiktirafan yang diberikan kepada pemilik/pengusaha premis yang menjaga dan mengekalkan tahap kebersihan premis masing-masing semasa pemeriksaan dan penggredan yang dilakukan oleh kakitangan jabatan dan para panel penilai adalah langkah ke arah mewujudkan persekitaran yang harmoni dan kondusif. Objektif utama penganjuran anugerah ini adalah :

- a) Memberi pengiktirafan kepada pemilik/pengusaha premis makanan dan tandas awam yang berjaya mengekalkan tahap kebersihan yang memuaskan di premis masing-masing.
- b) Mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran pemilik/pengusaha dan pengendali premis makanan terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.
- c) Meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan memilih premis makanan yang bersih dan keselamatan makanan yang terjamin serta penggunaan tandas awam secara beretika.
- d) Mengurangkan kejadian insiden dan *prevalent* kes-kes penyakit bawaan makanan dan air seperti keracunan makanan, demam kepialu, taun dan sebagainya.

**Sekian, terima kasih.**